




UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



info kampus



UiTM Sarawak

Jln Meranek, 94300 Kota Samarahan, Peti Surat 1258, Kuching, Sarawak. Tel: 082-677200 Telefax: 082-677300 - website: www.sarawak.uitm.edu.my

Isu 56

15hb Mei 2007



Hari Kualiti...
More on page 4



Ser - CN:2805

Info Kampus
5:May.2007



Tahniah! kepada En Abdul Jalil Lob atas perlantikan beliau sebagai Timb Pengarah HEP dan ribuan terima kasih kepada Prof Madya Dr Haji Abang Ahmad Ridzuan Abang Awit atas segala sumbangan beliau.

Debat Alam Sekitar dan Teknologi Peringkat Inter-Fakulti

Aizimah Abu Samah

Pertandingan Debat Alam Sekitar dan Teknologi Peringkat Inter-Fakulti (Gugusan Sains dan Teknologi) anjuran Science Frontiers Society (SFROST) dengan kerjasama Kelab Debat UiTM telah diadakan pada 10 Mac hingga 11 Mac 2007 (Bilik TEC) untuk sesi Saringan, Suku Akhir dan Separuh Akhir. Pertandingan Akhir pula telah berlangsung pada 16 Mac 2007 (Auditorium 2).

Objektif utama pertandingan debat ini adalah untuk mencungkil generasi pelapis baru dalam arena perdebatan dan dalam masa yang sama, menguji pengetahuan para pendebat mengenai ilmu-ilmu yang berkaitan Alam Sekitar dan Teknologi. Oleh yang demikian, program seperti ini telah berjaya mendapat sambutan menggalakkan dari warga UiTM sendiri. Terdapat 10 pasukan yang turut serta dalam pertandingan ini, antaranya ialah empat pasukan dari DIS, tiga pasukan dari DPIM; dan masing-masing menghantar satu pasukan dari DCE, DSK dan DQS.

Dalam Pertandingan Akhir yakni pada 16 Mac 2007 bertempat Auditorium 2, dua pasukan debat telah berjaya melayakkan diri dan berentap untuk merebut takhta dalam pertandingan Alam Sekitar dan Teknologi ini. Dua pasukan debat tersebut ialah pasukan DPIM dan DSK.

Wakil daripada DPIM terdiri:

1. Mohd Zairulnizam
2. Syed Mohd Rusydi
3. Remmy
4. Siti Sahrina Junaidi

Wakil daripada DSK pula terdiri:

1. Athirah Abdul Aziz
2. Nurhan Bin Yhasser
3. Darmarisyanto Alias
4. Nora Saafia Muhiyuddin

Keputusan pertandingan Akhir ialah Johan Pertandingan Debat Alam Sekitar dan Teknologi telah disandang oleh wakil pendebat daripada DPIM manakala Naib Johan ialah wakil pendebat daripada DSK.

Syabas dan tahniah diucapkan di atas kejayaan kedua-dua pasukan pendebat yang berusaha gigih untuk Peringkat Akhir ini. Semoga usaha pertandingan seperti ini akan melahirkan generasi pelapis pendebat yang terbaik untuk UiTM Sarawak.

Population and Sarawak Development Conference

Annie Wong

The Population and Sarawak Development Conference was held from 26 to 28 of March 2007 at Crowne Plaza Riverside Kuching. The theme of the conference was building a future generation.

The conference jointly organized by the National Council of Family Development and Population and Sarawak Urbanisation and Social Development Ministry drew in an audience of about 300 participants from both the private and government departments in Kuching and Kuala Lumpur. More than 12 papers were presented which touched on issues pertaining to Sarawak population trends, current social issues of the youths, adults and the senior citizens. In addition, the conference also highlighted on the methodologies and findings of the Fourth Malaysia Family and Population Study (KPKM-4).

Program Pendidikan Mata Wang

Corina Joseph

Program 'Currency Education' ini telah diadakan pada 23 Mac 2007, dari pukul 2.30 hingga 5.30 petang bertempat di Dewan Jubli, UiTM Sarawak. Ianya telah dianjurkan oleh Pejabat Timbalan Pengarah HEA serta bertujuan untuk mendedahkan kepada peserta-peserta program mengenai kewujudan Unit Kaunseling yang baru ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu sesiapa yang mempunyai masalah kewangan. Dua topik ceramah yang dibentangkan adalah:

1. **Pengurusan Kewangan Berhemah** - oleh Encik Omar bin Moin, Pegawai Eksekutif Kanan, Bank Negara Malaysia
2. **Program Pendidikan Mata Wang** - oleh Puan Marlene Margaret ak. John Nichol, Kaunselor Kredit, Bank Negara Malaysia

Ceramah ini telah dihadiri oleh pelajar-pelajar BBA (Kewangan), pensyarah-pensyarah dan pelajar lain yang berminat.

Laporan Seminar

Satu seminar integriti telahpun diadakan pada 9 Mac 2007 yang lalu di Dewan Jubli, UiTM Negeri Sarawak Kampus Samarahan. Penceramah jemputan adalah Timbalan Pengarah Badan Pencegah Rasuah Negeri Sarawak, Encik Mohd. Azmi bin Kassim. Beliau memberi maklumat mengenai apa yang dikategorikan sebagai 'suapan' oleh penceramah-penceramah. Secara keseluruhan seminar integriti ini memberi pendedahan kepada staf betapa pentingnya mereka mendapat pendedahan mengenai maklumat terutama sekali yang berkaitan dengan integriti. Seminar atau Kursus ini akan diadakan dari masa ke masa kerana ianya merupakan agenda penting UiTM. Sebuah Jawatankuasa telahpun ditubuhkan khusus untuk merancang dan melaksanakan aktiviti integriti yang dipengerusikan oleh Prof. Madya Haji Shafie b. Mohamad.



Memetik dari Amanat Tahun Baru 2007: *Kemampuan Kepimpinan Strategik dalam Memperkasakan Kecemerlangan Akademik* (Ibrahim Abu Shah, 2007: 1-2), kita boleh mengetahui bahawa amanat Naib Canselor kita, Yang Bahagia Dato' Seri Dr. Ibrahim Abu Shah ini telah "... disampaikan dalam konteks imbasan pencapaian tahun lepas, cabaran semasa, dan fokus tahun baru." menerusi "... tema-tema terpilih". Tema Amanat pada kali

ini, *Kemampuan Kepimpinan Strategik dalam Memperkasakan Kecemerlangan Akademik* adalah bersesuaian dengan keperluan dan kehendak dalam kampus kita di Samarahan ini. Beliau juga ada menyebut bahawa satu faktor yang penting ialah kekuatan

Amanat Naib Canselor

minda kepimpinan sama ada di universiti mahupun negara. Tambah beliau lagi, untuk memastikan kecemerlangan universiti ini diperkasakan, "...kepimpinan peringkat dalaman tanpa mengira aras perlu bersifat strategik bukan sahaja dari aspek pemikirannya malah juga dari aspek amalan dan tingkahlakunya. Selain itu, beliau turut menegaskan bahawa keperluan untuk "...peka dengan keadaan persekitaran, cabaran dan peluang yang wujud".

Untuk tahun 2007 ini, beliau juga mengatakan bahawa "...kecemerlangan akan mengambilkira aspek kualiti hasil, baik graduat, penyelidikan, inovasi mahupun penerbitan, perundingan ataupun hasil aktiviti pelajar untuk penyediaan ke arah aspek penarafan dalam tempoh terdekat" (Ibrahim Abu Shah, 2007:2). Antara perkara-perkara utama yang menjadi intipati dalam Amanat Naib Canselor ialah:

1. Lima Puluh Tahun Pertama UiTM dan Pencapaiannya
2. Definisi Kepimpinan Strategik dan Kecemerlangan Akademik
3. Manifestasi Pencapaian UiTM dalam Tahun 2006

4. Pembangunan Program
5. Program yang mendapat Pengiktirafan Profesional (sehingga 2006)
6. Penyelidikan / Inovasi dan Penerbitan
7. Pemantapan Kualiti Pengurusan Universiti
8. Lulusan Mengikut Peringkat (2006)
9. Kebolehkeraan Graduat
10. Kepuasan Hati Graduat terhadap Sistem UiTM Keseluruhan
11. Sasaran Enrolmen 200, 000 dan Pengambilan Pelajar Baru (2006)
12. Perhubungan Industri / Antarabangsa
13. Pencapaian Aktiviti Pelajar
14. Modal Insan Universiti
15. Governans Universiti
16. Saiz fizikal dan Enrolmen
17. Cabaran-Cabaran yang perlu ditangani:

Isu-isu Tertangguh yang perlu diselesaikan segera;

- i. Penterjemahan Shared Vision yang menyeluruh
- ii. Semakan Kurikulum
- iii. Pelaksanaan Konsep Gugusan
- iv. Pelaksanaan Program Double Major, Major Minor
- v. Pelaksanaan Bahasa Inggeris
- vi. Pelaksanaan Program Keusahawanan (Entrepreneurship)
- vii. Pelaksanaan Polisi Universiti seperti Polisi Akademik, ATA dan Dasar Pengurusan
- viii. Penyelidikan & Inovasi
- ix. Dasar penubuhan Pusat Kecemerlangan
- x. Profesor Kontrak
- xi. Pemantapan Sistem Pengurusan
- xii. Jaminan Kualiti Akademik menerusi MQF
- xiii. Pelaksanaan Latihan Praktik
- xiv. Pelaksanaan E-Learning
- xv. Pelaksanaan Latihan Kepimpinan
- xvi. Perolehan dan Penggunaan Kemudahan ICT
- xvii. Penyampaian Perkhidmatan
- xviii. Sumber Manusia
- xix. Penghayatan dan Pelaksanaan Dasar Q-Q 5E dan Hadhari Scorecard

Isu-isu yang berpotensi menjadi halangan;

- i. Penarafan dalam Konteks Kedudukan Global
- ii. Pembangunan Bidang
- iii. Mengenalpasti konflik antara isu sebagai asas inovasi kepimpinan untuk kecemerlangan
- iv. Mekanisme Penyelesaian

Dalam amanat tersebut, Yang Bahagia Dato' Seri Dr Ibrahim Abu Shah juga berpesan kepada "...semua lapisan warga UiTM sama ada staf akademik dari professor hingga kepada pensyarah muda, staf pentadbiran dari golongan pengurusan/professional hingga kepada pembantu am serta tukang dan pelajar dari sarjana PhD hingga diploma haruslah menanam dalam diri kita semangat jati diri untuk terus membawa UTM ke tahap yang lebih tinggi dengan kerjasama padu" (2007:39). Beliau juga turut menasihatkan kita agar lebih mengutamakan "...kesejahteraan dan kesederhanaan bersama dengan meninggalkan amalan-amalan buruk kepimpinan seperti merancang untuk gagal, menabur fitnah untuk kepentingan sendiri, mengenyepikan yang hak, dan mengaburi pihak yang lebih atas dengan maklumat-maklumat palsu" (2007: 39).